



Singapore Examinations and Assessment Board

**Singapore–Cambridge General Certificate of Education  
Advanced Level (2023)**

**H1 Malay Language  
Bahasa Melayu H1  
(Syllabus 8656)**

## **KANDUNGAN**

---

	<i>Halaman</i>
<b>TUJUAN</b>	<b>3</b>
<b>OBJEKTIF PENILAIAN</b>	<b>3</b>
<b>FORMAT PEPERIKSAAN</b>	<b>4</b>
<b>JADUAL PENGKHUSUSAN</b>	<b>6</b>
<b>DAFTAR PERIBAHASA</b>	<b>8</b>
<b>RUBRIK PEMARKAHAN</b>	<b>11</b>

---

## **TUJUAN**

---

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu H1 2020 yang dihasilkan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, pada akhir pendidikan prauniversiti kursus Bahasa Melayu H1 Peringkat Lanjutan, pelajar harus berupaya untuk:

- (a) membaca teks fungsional, teks autentik, karangan (dengan elemen penulisan naratif, deskriptif, argumentatif dan ekspositori) dan karya-karya sastera;
- (b) menulis karangan (naratif, deskriptif, argumentatif dan ekspositori) dengan lengkap dan koheren serta menggunakan kosa kata yang sesuai dan struktur ayat yang pelbagai tentang topik-topik yang diberikan; dan
- (c) menyampaikan dan bertukar-tukar pandangan tentang topik umum melalui interaksi lisan dan interaksi penulisan, menghubungkan pelbagai isu dan memindahkan pemahaman kepada pelbagai konteks.

## **OBJEKTIF PENILAIAN**

---

Peperiksaan GCE Bahasa Melayu H1 Peringkat Lanjutan bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian dan kecekapan calon dalam bidang bahasa berdasarkan objektif Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Peringkat Prauniversiti 2020, Kementerian Pendidikan.

Peperiksaan Bahasa Melayu H1 bertujuan untuk menilai keupayaan calon untuk:

- (a) mendengar dan memahami pelbagai jenis teks lisan; mengingat butir-butir dan mengenal pasti idea penting dalam teks yang didengar dalam pelbagai situasi;
- (b) bertutur dengan fasih dan jelas dengan menggunakan sebutan baku dan memberikan pendapat serta hujah-hujah yang kritis untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi;
- (c) berinteraksi secara lisan dengan fasih dan jelas dengan menggunakan sebutan baku untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi;
- (d) membaca dan memahami pelbagai bahan cetak dan bukan cetak serta bahan-bahan digital untuk memperoleh dan memproses maklumat dan menyampaikannya dengan berkesan;
- (e) menulis teks pelbagai genre dengan jelas dan berkesan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi; dan
- (f) berinteraksi melalui penulisan dengan jelas dan berkesan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi.

## **FORMAT PEPERIKSAAN**

---

Format peperiksaan GCE Bahasa Melayu H1 Peringkat Lanjutan terbahagi kepada:

### **Kertas 1**

Bahagian 1: Karangan

Bahagian 2: Penggunaan Bahasa, Kefahaman dan Peringkasan

### **Kertas 2**

Lisan dan Kefahaman Mendengar

### **KERTAS 1: KARANGAN DAN PENGGUNAAN BAHASA, KEFAHAMAN DAN PERINGKASAN – 140 markah (70%)**

Kertas 1 terbahagi kepada 2 bahagian, iaitu Bahagian 1 dan Bahagian 2. Masa yang diperuntukkan ialah 3 jam.

#### **Bahagian 1: Karangan – 60 markah (30%)**

Bahagian ini mengandungi empat soalan, termasuk satu soalan rangsangan grafik yang terdiri daripada 3 – 4 gambar. Calon dikehendaki untuk menulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 380 patah perkataan.

Calon dibenarkan untuk menggunakan kamus yang diluluskan. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 30 minit.

#### **Bahagian 2: Penggunaan Bahasa, Kefahaman dan Peringkasan – 80 markah (40%)**

Bahagian ini terbahagi kepada empat bahagian – Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Calon tidak dibenarkan untuk menggunakan kamus untuk bahagian ini. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 30 minit.

Bahagian A: Peribahasa (10 markah)

Bahagian ini mengandungi lima soalan. Calon dikehendaki untuk mengenal pasti peribahasa yang tepat berdasarkan situasi yang diberikan.

Bahagian B: Kefahaman 1 (10 markah)

Bahagian ini mengandungi lima soalan berbentuk aneka pilihan (MCQ) berdasarkan teks yang diberikan. Calon dikehendaki untuk menjawab lima soalan kefahaman.

Bahagian C: Mengedit Teks (20 markah)

Bahagian ini mengandungi sepuluh soalan berbentuk respons bebas. Calon dikehendaki untuk membetulkan perkataan yang disalah imbuah dengan imbuhan yang betul dan menggantikan perkataan yang disalah guna dengan perkataan yang sesuai mengikut penggunaannya dalam teks.

Bahagian D: Kefahaman dan Peringkasan (40 markah)

Bahagian ini mengandungi lima soalan berbentuk respons bebas berdasarkan teks yang diberikan. Bagi soalan kosa kata, calon dikehendaki untuk memberikan maksud perkataan/frasa yang diberikan mengikut konteks teks. Bagi soalan peringkasan, calon dikehendaki untuk meringkaskan sebahagian daripada teks yang diberikan dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

## **KERTAS 2: LISAN DAN KEFAHAMAN MENDENGAR – 60 markah (30%)**

Kertas ini terbahagi kepada 2 bahagian, iaitu Lisan dan Kefahaman Mendengar.

### **Lisan (50 markah)**

Kertas ini mengandungi dua bahagian. Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 15 minit. Calon diberi masa persiapan selama 10 minit. Calon boleh membuat catatan sewaktu masa persiapan. Catatan tersebut boleh dibawa bersama-sama calon sebagai bahan rujukan semasa peperiksaan dijalankan.

Bahagian 1: Penyampaian Lisan (20 markah)

Calon dikehendaki untuk membuat penyampaian lisan yang panjangnya tidak lebih daripada dua minit berdasarkan topik yang diberikan dengan menggunakan video sebagai rangsangan.

Bahagian 2: Perbincangan berdasarkan Penyampaian Lisan (30 markah)

Calon dikehendaki untuk melibatkan diri dalam perbincangan dengan Pemeriksa Lisan berdasarkan penyampaian lisan yang telah dibuatnya.

### **Kefahaman Mendengar (10 markah)**

Kertas ini mengandungi sepuluh soalan berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki untuk menjawab soalan berdasarkan lima teks autentik pelbagai genre, misalnya dialog, rencana, cerpen, berita ringkas, pengumuman dan lain-lain lagi. Dua daripada teks tersebut merupakan teks pendek (satu soalan bagi setiap teks).

Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 30 minit.

Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Jadual Pengkhususan yang disediakan.

## JADUAL PENGKHUSUSAN

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Catatan
KERTAS 1 (3 jam)	<b>Karangan dan Penggunaan Bahasa, Kefahaman dan Peringkasan</b>  <u>Bahagian 1</u> Karangan  • Naratif • Deskriptif • Ekspositori/ Argumentatif • Rangsangan Grafik	Respons bebas	4 (1)	60 (30%)	Calon dikehendaki untuk menulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 380 patah perkataan.  Calon dibenarkan untuk menggunakan kamus yang diluluskan.
	<u>Bahagian 2</u> Penggunaan Bahasa, Kefahaman dan Peringkasan  <u>Bahagian A</u> Peribahasa	MCQ	5 (5)	10 (5%)	Calon dikehendaki untuk mengenal pasti peribahasa yang tepat berdasarkan situasi yang diberikan.
	<u>Bahagian B</u> Kefahaman 1 (Objektif)	MCQ	5 (5)	10 (5%)	Calon dikehendaki untuk menjawab lima soalan kefahaman berdasarkan teks yang diberikan.
	<u>Bahagian C</u> Mengedit Teks	Respons bebas	10 (10)	20 (10%)	Calon dikehendaki untuk membetulkan perkataan yang disalah imbuh dengan imbuhan yang betul dan menggantikan perkataan yang disalah guna dengan perkataan yang sesuai mengikut penggunaannya dalam teks.
	<u>Bahagian D</u> Kefahaman dan Peringkasan	Respons bebas	5 (5)	40 (20%)	Calon dikehendaki untuk menjawab lima soalan berbentuk respons bebas dan meringkaskan sebahagian daripada teks dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan.
	<i>Subtotal</i>		29 (26)	140 (70%)	

8656 MALAY LANGUAGE GCE ADVANCED LEVEL H1 SYLLABUS

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Catatan
KERTAS 2  (Lebih kurang 15 minit)	<b>Lisan dan Kefahaman Mendengar</b>				
	<u>Lisan</u> Bahagian 1: Penyampaian Lisan	Respons bebas	1 (1)	20 (10%)	Calon dikehendaki untuk membuat penyampaian lisan yang panjangnya tidak lebih daripada dua minit berdasarkan topik yang diberikan dengan menggunakan video sebagai rangsangan.
	Bahagian 2: Perbincangan berdasarkan Penyampaian Lisan	Respons bebas	1 (1)	30 (15%)	Calon dikehendaki untuk melibatkan diri dalam perbincangan dengan Pemeriksa Lisan berdasarkan penyampaian lisan yang telah dibuatnya.
(Lebih kurang 30 minit)	<u>Kefahaman Mendengar</u>	MCQ	10 (10)	10 (5%)	Calon dikehendaki untuk menjawab soalan berdasarkan lima teks autentik pelbagai genre, misalnya dialog, rencana, cerpen, berita ringkas, pengumuman dan lain-lain lagi. Dua daripada teks tersebut merupakan teks pendek (satu soalan bagi setiap teks).
	<i>Subtotal</i>		12 (12)	60 (30%)	
	<b>Total</b>			<b>200 (100%)</b>	

## DAFTAR PERIBAHASA

	Peribahasa	Makna
1.	Ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras	Orang yang mampu (kaya, berilmu) segala maksudnya mudah tercapai.
2.	Akal tak sekali datang, runding tak sekali tiba	Tidak ada usaha yang serta-merta jadi sempurna.
3.	Api kecil baik dipadam	Kejahatan itu harus diperangi semasa kecil.
4.	Bagai cendawan tumbuh selepas hujan	Terlalu banyak pada sesuatu masa.
5.	Bagai duri dalam daging	Hal yang tidak menyenangkan hati.
6.	Bagai lebah menghimpun madu	Sangat rajin.
7.	Bagai mengepal pasir kering	Sangat susah hendak menyatukan orang-orang yang berbagai-bagai fikirannya.
8.	Baru bertatih hendak berlari, tersembam	Membuat pekerjaan yang lebih daripada yang tersanggup.
9.	Berani menjual berani membeli	a) Apa-apa yang dikerjakan (dikatakan), hendaklah ditimbang-timbang (jangan mengenai orang lain). b) Tidak sahaja mahu menyuruh, mengerjakan pun mahu juga.
10.	Bertanya supaya tahu berjalan supaya sampai	Kalau membuat kerja hendaklah dikaji dahulu dan biar sampai selesai.
11.	Di mana ranting dipatah, di sana air disauk	Hendaklah menurut adat dan aturan tempat yang kita diami.
12.	Ikan belum dapat, air sudah keruh, jala sudah koyak	Pekerjaan yang tidak bijaksana (keadaan menjadi buruk sebelum pekerjaan itu selesai).
13.	Indah khabar daripada rupa	Khabar tentang sesuatu itu biasanya dilebih-lebihkan daripada keadaan sebenar.
14.	Jangan bercermin di air keruh	Jangan diikuti teladan yang buruk.
15.	Jikalau menampi jangan tumpah padinya	Berhati-hati apabila memilih, jangan terbuang apa yang baik.
16.	Jikalau tidak berada-ada, masakan tempua bersarang rendah	Tentu ada sebabnya seseorang itu bertindak sedemikian.
17.	Kalau tak ada angin masakan pokok bergoyang	Kalau terjadi sesuatu hal tentu ada sebab-sebabnya.



## 8656 MALAY LANGUAGE GCE ADVANCED LEVEL H1 SYLLABUS

	<b>Peribahasa</b>	<b>Makna</b>
18.	Karam berdua basah seorang	Dua orang yang melakukan kesalahan tetapi seorang yang kena hukum.
19.	Ke mana tumpah kuah kalau tidak ke nasi	Baik buruk seorang bapa itu sedikit sebanyak turun ke anaknya.
20.	Kelapa muda tidak berminyak	Orang muda belum banyak pengalaman.
21.	Khabar jauh didengar-dengar, khabar dekat difikir-fikirkan	Apa pun berita yang didengar selidik dulu kebenarannya.
22.	Kuat lilit kerana simpulnya	Kekuatan persatuan terletak pada anggota-anggotanya.
23.	Lebih ikan kerana sirip, lebih burung kerana sayap	Tiap-tiap pakar ada kelebihanannya.
24.	Lemak manis jangan ditelan, pahit jangan dimuntahkan	Sesuatu nasihat itu hendaklah difikirkan masak-masak buruk baiknya, sedangkan kecaman janganlah pula ditolak mentah-mentah.
25.	Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa	Budi dibalas dengan budi.
26.	Padi setangkai bernas semuanya	Keluarga yang bahagia dan beruntung semuanya.
27.	Pahit dahulu, manis kemudian	Yang rumit (sulit) hendaklah dijelaskan atau dibincangkan dahulu (dalam perjanjian) supaya senang kemudiannya.
28.	Pandai menyelam di air dalam	Pandai menyesuaikan diri.
29.	Patah kemudi perahu hanyut	Rakyat yang kehilangan pemimpin akan kucar-kacirlah jadinya.
30.	Pecah buyung tempayan ada	Hilang yang satu ada gantinya yang lain.
31.	Pengayuh sudah di tangan, perahu sudah di air	Sudah siap sedia.
32.	Rumah sudah, pahat berbunyi	Mengemukakan pendapat atau kritikan sesudah perkara diputuskan.
33.	Sebab mutiara sebiji, lautan yang dalam diselam orang	Orang yang berilmu itu biar di mana pun ia tinggal tetap dicari orang.
34.	Sebab nila setitik, rosak susu sebelanga	Kejahatan yang sedikit merosakkan kebaikan yang banyak.
35.	Sekali air bah, sekali pantai berubah	Suasana berubah apabila keadaan berubah.
36.	Seperti gunting makan di hujung	Mencapai sesuatu dengan diam-diam.

## 8656 MALAY LANGUAGE GCE ADVANCED LEVEL H1 SYLLABUS

	<b>Peribahasa</b>	<b>Makna</b>
37.	Seperti meniup api di atas air	Melakukan pekerjaan yang hampir tidak memberi harapan akan berhasil.
38.	Takkan lari gunung dikejar, hilang kabus tampaklah ia	Jangan terburu-buru pada apa yang sudah pasti.
39.	Tunduk kepala bukan untuk dipijak	Berlembut bukan kerana suka diperbodoh.
40.	Ukur baju di badan sendiri	a) Menilai kemampuan diri. b) Tiap-tiap pekerjaan itu hendaklah dipilih sesuai dengan kebolehan kita.

# **RUBRIK PEMARKAHAN**

**KERTAS 1: BAHAGIAN 1 (KARANGAN)**

ISI: 30 markah

BAND	MARKAH	PENERANGAN
1	24 - 30	<ul style="list-style-type: none"> <li>• idea perincian dan penerangan lebih daripada mencukupi</li> <li>• idea/isi relevan sepenuhnya</li> <li>• idea/isi dikembangkan dengan sangat jelas</li> </ul>
2 (ATAS)	20 - 23	<ul style="list-style-type: none"> <li>• idea, perincian dan penerangan banyak</li> <li>• kebanyakan idea/isi relevan</li> <li>• idea/isi dikembangkan dengan jelas</li> </ul>
2 (BAWAH)	16 - 19	<ul style="list-style-type: none"> <li>• idea mencukupi, terdapat perincian dan penerangan</li> <li>• beberapa idea/isi relevan</li> <li>• idea/isi dikembangkan dengan secukupnya</li> </ul>
3 (ATAS)	12 - 15	<ul style="list-style-type: none"> <li>• idea, perincian dan penerangan agak mencukupi</li> <li>• sedikit idea/isi yang relevan</li> <li>• idea/isi menerawang/agak berulang-ulang</li> </ul>
3 (BAWAH)	8 - 11	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea, perincian dan penerangan tidak mencukupi</li> <li>• idea/isi kadangkala relevan</li> <li>• kebanyak idea/isi bercebis-cebis/berulang-ulang</li> </ul>
4	1 - 7	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea, perincian dan penerangan amat tidak mencukupi</li> <li>• idea/isi hampir tidak relevan <b>atau</b> idea/isi tidak relevan sepenuhnya</li> <li>• idea kabur dan mengelirukan</li> </ul>

**BAHASA: 30 markah**

<b>BAND</b>	<b>MARKAH</b>	<b>PENERANGAN</b>
<b>1</b>	<b>24 - 30</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• menggunakan pelbagai ragam/struktur ayat dengan berkesan</li> <li>• tidak terdapat kesilapan besar; sedikit sahaja kesilapan kecil</li> <li>• menggunakan kata hubung dan penanda wacana yang sesuai dan pelbagai dengan berkesan</li> <li>• menggunakan kosa kata yang luas, sesuai dan pelbagai dengan berkesan</li> <li>• susunan dan pemerenggan amat baik</li> </ul>
<b>2 (ATAS)</b>	<b>20 - 23</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• menggunakan pelbagai ragam/struktur ayat yang tepat tetapi tidak semestinya menonjol</li> <li>• terdapat sedikit kesilapan besar dan kesilapan kecil</li> <li>• menggunakan kata hubung dan penanda wacana yang sesuai</li> <li>• menggunakan kosa kata yang sesuai dan pelbagai tetapi tidak semestinya menonjol</li> <li>• susunan dan pemerenggan baik</li> </ul>
<b>2 (BAWAH)</b>	<b>16 - 19</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• menggunakan ragam/struktur ayat yang sesuai dan pelbagai</li> <li>• terdapat sedikit kesilapan besar dan beberapa kesilapan kecil</li> <li>• menggunakan kosa kata yang pelbagai</li> <li>• susunan dan pemerenggan memuaskan</li> </ul>
<b>3 (ATAS)</b>	<b>12 - 15</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• menggunakan ayat yang pendek dan mudah; terdapat beberapa ayat kompleks</li> <li>• terdapat beberapa kesilapan besar dan kesilapan kecil yang ketara</li> <li>• kosa kata yang digunakan mudah-mudah sahaja</li> <li>• terdapat susunan dan pemerenggan</li> </ul>
<b>3 (BAWAH)</b>	<b>8 - 11</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• terdapat ragam/struktur ayat yang tidak lengkap; struktur ayat rosak</li> <li>• terdapat banyak kesilapan besar dan kesilapan kecil yang ketara dalam tatabahasa dan sintaksis</li> <li>• kosa kata terbatas/kesilapan dalam penggunaan kosa kata yang asas</li> <li>• susunan dan pemerenggan lemah</li> </ul>
<b>4</b>	<b>1 - 7</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• terdapat ragam/struktur ayat yang tidak lengkap; struktur ayat rosak</li> <li>• terdapat banyak kesilapan besar dan kesilapan kecil yang ketara dalam tatabahasa dan sintaksis</li> <li>• kosa kata terbatas/kesilapan dalam penggunaan kosa kata yang asas</li> <li>• susunan dan pemerenggan lemah</li> </ul>

## KERTAS 2 (LISAN)

BAND	BAND 1	BAND 2	BAND 3	BAND 4
MARKAH	9 - 10	6 - 8	3 - 5	1 - 2
<b>Kerelevanan, Organisasi dan Pembinaan Idea (10 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• memberikan respons peribadi yang komprehensif berserta huraian yang baik, dengan menekankan isi-isi utama</li> <li>• menyampaikan idea dan pendapat dengan koheren dan sangat tersusun</li> <li>• idea dan pendapat disokong sepenuhnya dengan bukti-bukti/fakta-fakta</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• memberikan respons peribadi yang agak komprehensif berserta huraian, dengan menekankan beberapa isi utama</li> <li>• menyampaikan idea dan pendapat dengan tersusun</li> <li>• idea dan pendapat disokong dengan bukti-bukti/fakta-fakta</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• memberikan respons peribadi yang mudah-mudah berserta huraian; terdapat percubaan untuk menekankan beberapa isi utama</li> <li>• menyampaikan idea dan pendapat dengan agak tersusun</li> <li>• idea dan pendapat disokong dengan beberapa bukti/fakta</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• memberikan respons peribadi yang mudah-mudah berserta sedikit huraian; isi-isi utama hampir tidak ditekankan atau langsung tidak ditekankan</li> <li>• menyampaikan idea dan pendapat dengan tidak tersusun</li> <li>• idea dan pendapat hampir tidak disokong dengan bukti/fakta</li> </ul>
<b>Penggunaan Bahasa, Kelancaran dan Kejelasan (10 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• bertutur dengan jelas dan lancar sepanjang masa</li> <li>• bertutur dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang baik dan tepat</li> <li>• menggunakan pelbagai kosa kata dan ragam ayat yang sesuai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• bertutur dengan jelas dan lancar kebanyakan masa</li> <li>• bertutur dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang agak baik</li> <li>• menggunakan kosa kata dan ragam ayat yang sesuai dan memadai dari segi kepelbagaian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• bertutur dengan teragak-agak tetapi kejelasan penyampaian tidak terjejas</li> <li>• bertutur dengan sedikit kesilapan dalam sebutan dan/atau intonasi</li> <li>• menggunakan kosa kata yang asas dan ada kalanya tidak sesuai serta ragam ayat yang mudah-mudah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• bertutur dengan tersekat-sekat; kejelasan penyampaian terjejas</li> <li>• bertutur dengan banyak kesilapan dalam sebutan dan/atau intonasi</li> <li>• menggunakan kosa kata dan ragam ayat yang terhad atau tidak sesuai</li> </ul>